

## **BAB EMPAT**

## BAB IV

### PENEMUAN KAJIAN LAPANGAN

Dalam bab ini akan diuraikan Penemuan Kajian Lapangan yang terbagi kepada 2 bahagian, iaitu Hasil Temubual dan Analisis Kandungan berita akhbar. Temubual telah pun dilakukan dengan menemuramah 26 tokoh dari berbagai golongan rakyat di Indonesia. Perincian kesemua mereka adalah 6 wartawan, 5 mahasiswa, 5 ahli pertubuhan Islam, 5 ahli akademik dan 5 ahli politik.<sup>1</sup> Pengkaji telah menemubual kesemua mereka kerana pandangan mereka boleh dianggap mewakili majoriti pendapat awam tentang kebebasan akhbar. Pengkaji mengajukan kepada mereka enam soalan yang ada hubungan dengan hal ehwal liputan berita akhbar baik pada masa Orde Baru mahupun pada Era Reformasi. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:

1. Pada pemahaman anda, apakah yang dinamakan sebagai ‘kebebasan akhbar’?.
2. Apakah kebebasan akhbar suatu hal yang mustahil dicapai dalam konteks negara membangun seperti Indonesia?.
3. Sehubungan itu, apakah terdapat kebebasan akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru (iaitu masa pemerintahan Suharto). Apakah benar anggapan bahawa akhbar terlalu dikongkong oleh pemerintah?.
4. Bagaimana pula tentang liputan berita akhbar pada Era Reformasi?. Apakah akhbar lebih bebas pada zaman ini berbanding zaman sebelumnya?.
5. Menurut anda, apakah campur tangan pemerintah (penguasa) dalam liputan berita akhbar lebih ketat pada zaman Orde Baru daripada Era Reformasi?.
6. Kalau memang liputan berita akhbar lebih bebas pada Era Reformasi, apakah ini baik untuk pembangunan ekonomi, politik serta masyarakat Indonesia?.

<sup>1</sup> Untuk keterangan terperinci mengenai nama-nama yang telah ditemubual, tarikh, masa dan tempat dilakukannya temubual, (*Lihat Lampiran VI*).

Walaubagaimanapun, bilangan wartawan telah ditemubual melebihi golongan lain kerana pengkaji menganggap mereka terlibat secara langsung dalam persoalan isu kebebasan akhbar di Indonesia.

#### **4.1 Hasil Temubual**

Respon terhadap *Soalan 1* oleh:

a. Ahli Politik

Golongan ahli politik menyebutkan bahawa kebebasan akhbar bererti "bebas menulis dan menyebarkan maklumat mengenai rendahnya moral pegawai kerajaan, bebas memberi pandangan dan mengkritik kerajaan tanpa sebarang tekanan". Tiga orang di antara mereka menyebutkan bahawa sebarang kritikan mesti bersifat konstruktif dan tidak sebebas seperti di negara-negara Barat. Kerana itu, kawalan terhadap akhbar oleh pemerintah diperlukan. Namun demikian, 2 orang di antara mereka bersetuju supaya wujud kebebasan terhadap sebarang kritikan dalam akhbar terhadap pemerintah tanpa adanya kawalan.

b. Ahli Akademik

Golongan ahli akademik menyatakan bahawa "kebebasan akhbar tidak bererti bebas dalam menyebar berita bohong atau fitnah". Kebebasan itu bersifat mendidik terhadap pembaca. 3 orang ahli akademik bersetuju bahawa kebebasan akhbar tidak semestinya sama antara sesebuah negara dengan yang lainnya dan ianya tidak perlu dikawal. Namun, 2 orang lagi berpendapat bahawa kebebasan

seperti yang diperaktikkan di negara-negara Barat pun boleh dijadikan tolak ukur kebebasan akhbar.

c. Wartawan

Adapun 4 orang wartawan berpendapat bahawa kebebasan akhbar adalah "kebebasan menyebar maklumat kepada khalayak ramai mengenai segala peristiwa yang berlaku demi terwujudnya keadilan tanpa ada campur tangan atau tekanan dari pihak penguasa". Sementara 2 orang lainnya berpendapat bahawa kebebasan akhbar bererti "kebebasan mengeluarkan pandangan yang benar dan sentiasa memihak kepada kebenaran dalam keadaan apa sahaja tanpa adanya kawalan daripada pemerintah".

d. Ahli Pertubuhan Islam

Adapun 3 orang ahli pertubuhan Islam mentakrifkan kebebasan akhbar: "tidak boleh dibatasi, ianya harus diberikan kebebasan seluas-luasnya dalam menyebar maklumat kepada masyarakat pembaca sesuai dengan apa yang berlaku atau sesuai dengan realiti". Namun, 2 orang di antara mereka menjelaskan bahawa erti kebebasan seluas-luasnya ialah harus sesuai dengan etika yang selari dengan keadaan masyarakat setempat, bukan etika yang menurut kehendak penguasa dalam penyebaran berita.

e. Mahasiswa

Golongan mahasiswa memberi makna bahawa kebebasan akhbar merupakan "kebebasan yang tidak boleh dikongkong, kerana ianya dapat memainkan peranan penting dalam mendidik pembaca tanpa ada campur tangan

penguasa, tetapi ianya harus mengikuti norma-norma agama". 3 orang mahasiswa menyatakan: "walaupun kebebasan akhbar dapat diertikan "sebagai kemerdekaan dalam menyebarkan maklumat, tapi ianya berjalan selari dengan nilai-nilai sosial budaya masyarakat setempat tanpa mengabaikan makna kebebasan". Salah satu contohnya ialah menyebar maklumat atau gambar yang ada unsur lucah, hal ini mungkin tidak menjadi masalah dan sesuai dengan kehidupan masyarakat Barat, tetapi ianya tidak sesuai dengan kehidupan masyarakat di Asia. Salah seorang mahasiswa menyebutkan bahawa kebebasan akhbar mencakupi paling kurang dua aspek, iaitu:

- a. Akhbar dibenarkan meliputi segala peristiwa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat, mulai dari golongan atas hingga rakyat jelata tanpa ada sebarang sekatan.
- b. Para wartawan dan segala sesuatu yang berkaitan dengan hal ehwal akhbar sentiasa boleh melakukan aktiviti dengan bebas serta dilindungi oleh undang-undang sehingga mereka tidak berasa takut dan bimbang.

Beliau menambahkan, berdasarkan dua faktor di atas dapat dikatakan juga bahawa kebebasan akhbar adalah suatu keadaan kehidupan bermasyarakat (social life) dengan memberikan kebebasan kepada mereka "seluas-luasnya". Dengan demikian, akhbar merupakan perwakilan dari masyarakat sebagai alat penyampaian sikap, pandangan, kritik, komunikasi dan media terbuka. Setiap individu berhak memberi pandangan yang disebarluaskan melalui akhbar. Kebebasan akhbar tidak sahaja kebebasan untuk memberikan pandangan dan pemikiran, tetapi juga bermakna kebebasan untuk mendapatkan sebarang maklumat. Dengan lain perkataan, kebebasan akhbar adalah kebebasan media yang meliputi media

cetak dan elektronik yang bertujuan mendedahkan perkara-perkara yang berlaku dalam masyarakat secara objektif, terbuka, logik dan adil, sama ada dalam penulisan berita mahupun ketika proses penyampaiannya, namun tanpa mengesampingkan nilai-nilai sosial masyarakat yang berlaku.

Respon terhadap *Soalan 2* oleh:

a. Ahli Politik

Adapun 3 orang ahli politik memperakui tentang adanya sebahagian orang yang beranggapan bahawa kebebasan akhbar di Indonesia sangat sukar dipraktikkan, kerana pemahaman masyarakat terhadap makna kebebasan akhbar masih rendah. Walaupun kebebasan akhbar bukan suatu hal yang mustahil dicapai dalam negara-negara membangun termasuk Indonesia, namun kebebasan akhbar secara sempurna masih sangat sukar diwujudkan, kerana kurangnya pemahaman terhadap makna kebebasan akhbar yang sebenarnya dan kurangnya praktik demokrasi di negara berkenaan, kerana demokrasi mempunyai hubungan erat dengan kebebasan akhbar.

Sementara 2 orang lagi ahli politik memberikan pendapat yang bercanggah, dengan menjelaskan bahawa apabila kebebasan akhbar dipraktikkan di Indonesia, maka rancangan pembangunan yang dijalankan pemerintah tidak akan berjalan dengan baik kerana banyak kritikan yang tidak konstruktif muncul di tengah masyarakat.

#### b. Ahli Akademik

Adapun 3 orang ahli akademik mengatakan: "kebebasan akhbar tidak boleh dianggap sebagai suatu hal yang mustahil kerana kebebasan itu sangat terikat dengan golongan mana sahaja yang menerajui pemerintahan dalam sesebuah negara". Seorang lagi menyebutkan bahawa hal ini telah terbukti di Indonesia sendiri di mana setelah jatuhnya rejim Orde Baru dan pemerintahan Indonesia diambil alih oleh B. J. Babibie. Sementara seorang ahli akademik lainnya menambahkan bahawa pada masa inilah adanya kebebasan akhbar yang lebih besar dibandingkan masa sebelumnya.

#### c. Wartawan

Majoriti wartawan beranggapan kebebasan akhbar merupakan keperluan dalam kehidupan tidak terkecuali dalam masyarakat Indonesia. Kerana itu, kebebasan itu perlu wujud, asal sahaja tidak ada tekanan daripada pemerintah. Namun, seorang di antaranya menyebutkan: "harus diperakui secara jujur bahawa kebebasan akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru jauh ketinggalan dibandingkan dengan negara-negara membangun lainnya. Beberapa di antara mereka menambahkan, kebebasan akhbar juga sangat mungkin dicapai di negara-negara membangun lainnya, seperti Malaysia, Singapura, Filipina dan lain-lain".

#### d. Ahli Pertubuhan Islam

Sementara 3 orang golongan ahli pertubuhan Islam juga menganggap bahawa kebebasan akhbar bukan perkara mustahil untuk dapat diwujudkan di Indonesia, bahkan ianya patut dicipta dan diberi peluang yang melibatkan semua

golongan dalam usaha membangunkan negara Indonesia dalam berbagai aspek, seperti ekonomi, politik, kebudayaan dan pendidikan. Seorang lagi menyatakan bahawa negara membangun tidak dapat dijadikan alasan untuk tidak mempraktikkan kebebasan akhbar, kerana hal ini merupakan keperluan dalam usaha memajukan sesuatu bangsa dan negara. Sementara salah seorang lainnya menyatakan: "sekurang-kurangnya, ada suatu keyakinan di kalangan para wartawan bahawa kebebasan akhbar tidak semestinya dapat dilaksanakan di negara-negara maju sahaja, tetapi ianya dapat juga dipraktikkan di negara-negara sedang membangun termasuk Indonesia.

e. Mahasiswa

Kesemua golongan mahasiswa berpendapat bahawa akhbar yang bebas bukan tidak mungkin dipraktikkan di Indonesia, bahkan liputan berita akhbar sangat diperlukan kebebasannya. Salah seorang di antara mereka menambahkan, tanpa adanya kebebasan liputan berita akhbar, Indonesia tidak dapat melaksanakan pembangunan dengan baik. Hal ini disebabkan kerana mekanisme *check and balance* di antara institusi legislatif, eksekutif dan judikatif tidak berjalan sebagaimana mestinya. Bahkan ketiga institusi ini lebih mengarah kepada kekuasaan berdasarkan golongan pemerintah, kerana mereka yang duduk di dalamnya biasanya berasal dari golongan tersebut. Oleh itu, diperlukan satu golongan lain, iaitu golongan penekan (*pressure group*) di mana peranan akhbar menjadi sangat penting, iaitu terdapat berbagai golongan yang mewakili kepentingan yang berbeza dalam sesuatu sistem pemerintahan. Inilah yang kemudiannya dikenali dengan istilah *pluralism*. Sebagai contoh, dengan adanya liputan berita akhbar mengenai pembangunan, maka sudah barang tentu hal ini

akan diketahui oleh orang ramai, tidak hanya oleh golongan elit sahaja. Masyarakat akan mengetahui dan sentiasa mengawal perjalanan pembangunan yang tidak sesuai dengan rancangan atau salah perancangan (*misplanned*). Ini adalah contoh kebebasan liputan berita akhbar terhadap eksekutif, sementara kepada judikatif pula dapat dilihat apabila ada pihak mahkamah yang melanggar undang-undang dan mengutamakan kepentingan individu atau golongan tertentu, maka dalam hal ini akhbar boleh menjadi pengawal, begitulah seterusnya.

Respon terhadap *Soalan 3* oleh:

a. Ahli Politik

Adapun seorang ahli politik menjelaskan bahawa sekurang-kurangnya ada 3 alasan untuk membuktikan anggapan mengenai kebebasan akhbar pada masa Orde Baru hampir tidak ada. Pertama, adanya Kementerian Penerangan yang mengawal, memberi arahan dan berbagai dasar lainnya yang mempersukar adanya kebebasan akhbar. Kedua, adanya aturan bahawa setiap penerbitan akhbar harus mempunyai SIUPP (Surat Izin Penerbitan Akhbar) dari pemerintah. Ketiga, telah terjadi penggantungan terhadap beberapa akhbar nasional, seperti *Tempo*, *Editor* dan *Detik*. Semua faktor ini telah membuat wartawan menjadi takut, dan akibatnya, khalayak ramai tidak mendapatkan maklumat yang benar dan berkredibiliti.

Sementara 2 orang lagi berpendapat sama seperti golongan mahasiswa bahawa istilah "kebebasan akhbar yang bebas dan bertanggungjawab" hanya pada kertas sahaja, sementara realitinya akhbar tidak bebas. Segala peraturan yang

dikeluarkan melalui Menteri Penerangan yang isinya bahawa akhbar nasional tidak dikenakan penapisan dan peleburan, ternyata pada amalannya bukan demikian. Walaupun demikian, kebebasan akhbar pada awal kepimpinan Orde Baru sudah mula ada, tetapi kemudian sedikit demi sedikit dikongkong oleh pemerintah kerana kuatnya pengaruh tentera dalam pemerintahan. Walaupun penguasa pada zaman Orde Baru mengatakan adanya kebebasan akhbar pada masa itu, namun ianya sangat terbatas dan tidak dibenarkan adanya berita akhbar yang dapat mengkritik penguasa, lebih-lebih pada saat menjelang pilihan raya, akhbar sangat dikongkong.

Selanjutnya, 2 orang lainnya menyatakan bahawa pemerintah selalu menggunakan institusi atau pertubuhan, baik pertubuhan kerajaan maupun pertubuhan bukan kerajaan untuk sentiasa mematuhi dan menjaga kepentingan penguasa termasuk menyebarkan istilah pemerintah yang ternyata memang tidak sepatutnya dipatuhi dan digunakan oleh para wartawan. Sebagai salah satu contoh dapat dilihat dengan jelas semasa daerah Aceh diletakkan sebagai Daerah Operasi Militer (1989-1998). Pada masa itu, Aceh memang merupakan medan perlawanan bersenjata antara kelompok Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang ingin memisahkan diri dari Negara Kesatuan Republik Indonesia dengan askar-askar Indonesia. Kelompok GAM tersebut oleh pemerintah dinamakan Gerombolan Pengacau Keamanan (GPK), dan istilah ini tidak boleh diubah, baik pemberitaan dalam akhbar maupun di media lain. Pemerintah tidak mahu sekali-kali mendengar nama Gerakan Aceh Merdeka (GAM), dan istilah ini tidak boleh digunakan oleh akhbar-akhbar di Indonesia.

## b. Ahli Akademik

Adapun golongan ahli akademik menyebutkan bahawa kekuasaan pemerintah pada masa Orde Baru terhadap berbagai kegiatan masyarakat, termasuk hal ehwal akhbar adalah sangat besar. Segala maklumat berkenaan dasar pemerintah sangatlah tertutup dan terbatas, bahkan pada masa itu, masyarakat sudah menyamakan bahawa pemerintah adalah militer atau tentera, sebab mereka membuat keputusan tentang segala sesuatu yang berkenaan dengan dasar pemerintah. Kalau mereka setuju tentang sesuatu perkara, maka tiada siapa yang berani membantahnya, demikian juga sebaliknya. Sumber berita akhbar hanya satu, iaitu dari pemerintah. Fungsi akhbar hanya menjadi alat untuk mengesahkan setiap tindakan penguasa.

Salah seorang ahli akademik memberi contoh mengenai begitu besarnya campur tangan pemerintah/militer dalam akhbar, iaitu keadaan di Aceh semasa Daerah Operasi Militer (DOM) seperti dihuraikan di atas. Pada masa ini, apa sahaja berita yang dimuatkan oleh wartawan dalam akhbar yang berkenaan dengan hal ehwal politik, keamanan dan kejadian penembakan yang berlaku di Aceh mestilah bersumber daripada komandan tentera setempat melalui bawahannya dan kemudian baru kepada korban penembakan. Jadi, wartawan tidak boleh memuatkan sesuatu berita yang bersumber langsung daripada mangsa korban sebelum mendapat pengesahan daripada pihak militer.

Sementara itu, 2 orang diantaranya juga menambah bahawa munculnya zaman Orde Baru di Indonesia adalah hasil kejayaan tentera menumpaskan gerakan Komunis pada tahun 1965 dan personaliti yang memerintah Indonesia

pada masa itu berlatarbelakangkan tentera. Oleh itu, pihak pemerintah telah menutup kebebasan akhbar pada zaman Orde Baru demi terjaminnya kestabilan politik di negara berkenaan menurut acuan "authoritarian government." Dengan itu, adalah benar akhbar pada zaman Orde Baru terlalu dikongkong oleh pemerintah.

c. Wartawan

Adapun kesemua wartawan berpendapat bahawa pemerintah banyak melakukan kawalan terhadap liputan berita akhbar pada zaman Orde Baru sehingga menyebabkan ruang gerak wartawan tidak bebas bahkan akhbar yang memberanikan diri untuk mengkritik pemerintah akan berhadapan dengan risiko penggantungan surat izin penerbitan. Anggapan mengenai liputan berita akhbar pada zaman Ode Baru terlalu banyak mendapat campur tangan penguasa dan sentiasa dikongkong oleh pemerintah memang tidak dapat dibantah lagi, namun salah seorang wartawan menjelaskan, bahawa pemerintah juga mempunyai alasan sendiri terhadap masalah ini. Pemerintahan Orde Baru menganggap bahawa "kebebasan" inilah yang dapat dipraktikkan di Indonesia dan selari dengan tujuan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Salah seorang wartawan memberikan contoh mengenai kawalan pemerintah yang sangat ketat terhadap liputan berita akhbar sebagaimana berlaku terhadap majalah *Tempo*. Majalah ini terbit dua minggu sekali dan pernah menyebar berita mengenai pembelian beberapa buah kapal perang oleh pemerintah Republik Indonesia dari Jerman yang dianggap sebagai membazir. Pembelian kapal perang itu dilakukan oleh B. J. Habibie (Menteri Penyelidikan

dan Teknologi pada masa pemerintahan Suharto) atas perintah Suharto sendiri. Semua kapal perang yang dibeli itu adalah kapal perang terpakai yang telah digunakan oleh Jerman pada masa perang dunia ke-2.

Akibat pemberitaan tersebut, majalah *Tempo* telah dilarang penerbitannya dengan alasan boleh merosakkan perpaduan bangsa dan keselamatan negara. Sebenarnya, peraturan dan undang-undang tentang akhbar di Indonesia tiada cacat celanya, hanya praktiknya tidak mengikuti garis panduan yang telah disepakati dan diputuskan. Realitinya, masih didapati bahawa undang-undang yang sedia ada dijalankan menurut kepentingan penguasa. Di samping penggantung izin penerbitan oleh penguasa, banyak wartawan pada zaman Orde Baru ditahan tanpa melalui proses undang-undang. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa akhbar pada zaman Orde Baru berada di bawah kawalan penguasa.

#### d. Ahli Pertubuhan Islam

Adapun 3 orang ahli pertubuhan Islam menyebutkan bahawa kebebasan akhbar di Indonesia pada masa Suharto memerintah tidak ada sama sekali. Namun, 2 orang lagi menyatakan bahawa kebebasan itu boleh dikatakan hampir tidak ada dan sangat dikenali dengan istilah “kebebasan akhbar yang bebas dan bertanggungjawab”. Salah seorang di antara mereka menjelaskan bahawa istilah tersebut bermakna segala pemberitaan yang disebar dalam akhbar tidak boleh menyinggung atau mengkritik sistem politik dan dasar pemerintahan yang dijalankan oleh Suharto, atau dengan lain perkataan, akhbar sentiasa menjaga kepentingan rejim Suharto. Kalau garis panduan ini tidak dipatuhi oleh mana-mana akhbar, maka langkah pertama yang akan diambil oleh pemerintah adalah

dengan menghubungi pimpinan redaksi oleh Angkatan Tentera Republik Indonesia (ABRI). Dengan lain perkataan, kebebasan akhbar pada zaman Orde Baru sangat dikongkong oleh pemerintah dan tidak selari dengan keinginan rakyat, sehingga memberi kesan bahawa kebanyakan maklumat pada masa itu diselindungi termasuk yang berkenaan dengan pertubuhan Islam.

e. Mahasiswa

Adapun 3 orang mahasiswa juga berpendapat bahawa kebebasan akhbar di Indonesia pada masa Orde Baru tidak terlepas daripada istilah kebebasan "*akhbar yang bebas dan bertanggungjawab*". Salah seorang di antaranya mengulas secara terperinci bahawa makna sebenar istilah ini adalah akhbar bebas bersuara dengan tetap menjaga dan menjunjung tinggi kebenaran dalam masyarakat. Salah seorang mahasiswa lagi berpendapat bahawa kebebasan akhbar harus diperbolehkan mengkritik kerajaan, asal sahaja kritikan tersebut berasas dan benar, serta bersifat membangun demi kepentingan bangsa dan negara.

Seorang lagi berpendapat bahawa pengertian "*akhbar yang bebas dan bertanggungjawab*" tersebut di atas telah disalahgunakan oleh penguasa untuk menjaga kedudukannya. Akhbar yang bebas dan bertanggungjawab telah diertikan sebagai akhbar yang tidak boleh mengkritik pemerintah, dengan alasan "menjaga keamanan negara dalam usaha mengukuhkan persatuan dan kesatuan bangsa". Pada masa itu, pemerintah tidak boleh dikritik sama sekali, sehingga dengan demikian dapat disimpulkan bahawa anggapan mengenai rejim Orde Baru sebagai anti kebebasan akhbar tidak dapat dibantah.

Salah seorang di antara mereka menunjukkan bukti lainnya mengenai anggapan bahawa pada masa pemerintahan Suharto atau Orde Baru (Orba) akhbar sangat ketat dikawal oleh pemerintah. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa persyaratan untuk mendapatkan Surat Izin Usaha Penerbitan Akhbar (SIUPP)/Surat Izin Terbit yang lebih tertuju kepada usaha menyekat kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat. Adapun beberapa syarat tersebut yang sangat ketara untuk mendapatkan SIUPP adalah: pemimpin redaksi atau penanggungjawab bukan ahli mana-mana parti oposisi, pemimpin redaksi mesti dari kalangan tentera/perisik, pemimpin redaksi mesti anggota Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) kerana pertubuhan ini adalah satu-satunya organisasi kewartawanan yang ada dan pemerintah melarang penubuhan sebarang organisasi seumpama ini.

Respon terhadap *Soalan 4*:

a. Ahli Politik

Kesemua ahli politik mengatakan bahawa memang benar, akhbar pada Era Reformasi lebih bebas dan ini merupakan suatu hal yang tidak dapat dinafikan baik oleh rakyat Indonesia sendiri maupun oleh masyarakat antarabangsa. Bahkan 2 orang di antara mereka berpendapat bahawa pada awal Era Reformasi, ianya melebihi kebebasan liputan berita akhbar di negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan kebebasan, seperti Amerika Syarikat.

### b. Ahli Akademik

Adapun 3 orang ahli akademik menghuraikan realiti yang sememangnya harus diperakui bahawa akhbar pada Era Reformasi lebih bebas, hal ini sudah sangat ketara kelihatan dan tiada siapa pun yang dapat membantahnya. Sementara 2 orang lagi berpendapat, sekurang-kurangnya para wartawan sudah mula memasuki era kebebasan akhbar. Keadaan ini merupakan petanda bahawa masyarakat Indonesia telah terlalu lama tidak merasakan kebebasan yang puluhan tahun hidup dalam iklim liputan berita akhbar yang terkawal dan baru sekarang mereka merasakan erti kebebasan akhbar. Kebebasan akhbar kelihatannya lebih baik pada masa pemerintahan Habibie.

Dengan lain perkataan, kebebasan akhbar mulai ada walaupun kebebasan itu tidak bebas semuanya serta dibatasi oleh kod etika akhbar yang sedia ada, seperti tidak menyebarkan berita atau gambar yang mempunyai unsur lucuah. Namun demikian, seorang di antaranya beranggapan mengenai adanya kebebasan akhbar pada Era Reformasi tidak dapat diterima sepenuhnya, kerana kadang kala masih juga berisiko. Individu-individu yang secara lantang mengkritik pemerintah terutama tentera masih juga mendapat tekanan dan ada juga di antara mereka yang mengasingkan diri ke luar negara kerana takut akan ancaman militer.

### c. Wartawan

Sementara itu seorang wartawan menyebutkan bahawa pada Era Reformasi telah wujud *euphoria* masyarakat untuk melaksanakan demokrasi

dalam berbagai bidang, tidak terkecuali dalam masalah kebebasan akhbar. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya beberapa organisasi kewartawanan, tidak seperti pada masa kepimpinan Suharto yang hanya membolehkan penubuhan satu organisasi kewartawanan sahaja. Adapun 2 orang wartawan lagi menyebutkan, dengan adanya kebebasan akhbar menyebabkan begitu banyak akhbar lahir. Sementara 3 orang lagi wartawan menambahkan, akibat mudahnya mendapat keizinan dari pemerintah mengakibatkan banyaknya akhbar yang diterbitkan, bilangan wartawan pun menjadi sangat ramai sehingga kewartawanan menjadi pekerjaan yang mendapat imbalan tidak setimpal lagi.

d. Ahli Pertubuhan Islam

Adapun 3 orang ahli pertubuhan Islam berpendapat: "kerana liputan berita pada Era Reformasi sudah demikian bebas, maka tidak jarang berlaku penyebaran maklumat yang tidak sesuai pada tempatnya, seperti fitnah, isu perkauman, dan sebagainya sehingga secara langsung maupun tidak langsung dapat menggugat kestabilan kehidupan rakyat". Sementara 2 orang lainnya memberikan pandangan bahawa akhbar pada Era Reformasi memang lebih bebas dibandingkan zaman sebelumnya, kerana tidak ada lagi kawalan dan penapisan oleh pemerintah.

e. Mahasiswa

Walaubagaimanapun, menurut pandangan seorang mahasiswa, realitinya masih ada juga akhbar pada Era Reformasi yang menyebarkan maklumat dan bertindak sebebas-bebasnya serta tidak mengambil kira nilai-nilai budaya yang

ada. Sementara 2 orang mahasiswa berpandangan bahawa penyebaran maklumat dalam akhbar pada Era Reformasi sangat bergantung kepada perspektif akhbar yang sememangnya beragam, sebab telah puluhan tahun terkurung dan tidak pernah merasakan kebebasan. Dengan lain perkataan, akibat keadaan liputan berita akhbar yang terkongkong selama puluhan tahun, maka tidak dapat dielakkan ada akhbar-akhbar yang tidak boleh dikawal lagi dalam menyebarkan maklumat. Adapun 2 orang mahasiswa lagi menyatakan bahawa pada Era Reformasi rakyat sudah bebas bersuara termasuk melalui saluran liputan berita akhbar. Keadaan ini patut dipertahankan dan akhbar pun telah dapat melakukan liputan beritanya secara bebas tanpa ada sebarang sekatan dari pemerintah.

Respon terhadap *Soalan 5 dan 6* oleh:

a. Ahli Politik

Seorang ahli politik menjelaskan bahawa seperkara lagi yang sangat menarik pada Era Reformasi ialah tidak disebut-sebutkan lagi ungkapan "*kebebasan akhbar yang bebas dan bertanggungjawab*" sebagaimana pada zaman Orde Baru yang telah mengelirukan penafsiran dan pelaksanaannya. Namun demikian, 4 orang ahli politik lainnya beranggapan bahawa kebebasan akhbar pada Era Reformasi tidak jauh berbeza dengan kebebasan akhbar pada zaman Orde Baru, yang membezakannya ialah akhbar pada zaman Orde Baru ditekan oleh pemerintah sementara akhbar pada Era Reformasi ditekan oleh kelompok tertentu, seperti pertubuhan bukan kerajaan, parti politik, golongan korporat dan lain-lain dalam usaha untuk mencapai tujuan tertentu pula. Seorang di antaranya menambahkan bahawa harus diakui kebebasan liputan berita akhbar pada Era Reformasi lebih baik dibandingkan dengan zaman Orde Baru. Namun

demikian, ada beberapa kelemahan dengan adanya kebebasan akhbar pada Era Reformasi, antara lain: kualiti berita menurun, penyebaran berita yang berunsur lucah tidak terkendali lagi serta kawalan terhadap keseimbangan dalam laporan berita agak menurun.

#### b. Ahli Akademik

Adapun seorang ahli akademik mengatakan bahawa dengan adanya kebebasan akhbar pada Era Reformasi, para wartawan dengan sendirinya secara tidak langsung sedang belajar berdemokrasi sebagaimana yang dilaksanakan di negara-negara maju. Seorang lagi menyebutkan, bukan pemahaman demokrasi Indonesia sebagaimana dipraktikkan pada zaman Orde Baru. Sementara 2 orang lagi menganggap bahawa kerana kebebasan akhbar merupakan sebahagian daripada demokrasi, maka ianya termasuk dalam hak asasi manusia yang tidak boleh dihalang.

Namun, 2 orang lagi mengatakan, walaupun positif daripada berbagai segi, namun ada juga yang negatif dengan lebih berleluasnya liputan berita akhbar pada Era Reformasi, kerana selama ini akhbar lebih banyak menyebarkan berita mengenai politik dan ekonomi yang ada kalanya berita tersebut tidak layak diberitahukan kepada khalayak ramai kerana dikhuatiri akan dapat memperburuk lagi keadaan politik dan ekonomi Indonesia yang memang telah buruk.

#### c. Wartawan

Adapun seorang wartawan memberikan penjelasan bahawa disebabkan banyaknya campur tangan pemerintah terhadap liputan berita akhbar pada masa

Orde Baru, maka tidak jarang para wartawan melakukan penapisan sendiri (self-censorship), kerana apabila berita sudah disebarluaskan dalam akhbar yang menyinggung penguasa, maka nasib akhbar tersebut tinggal menunggu hari sahaja untuk digantung. Sementara seorang lagi menambahkan, pada Era Reformasi, sukar bagi pemerintah untuk melakukan penapisan, kerana akhbar sudah dibenarkan melakukan kritikan. Akibat tidak lagi ditapis, maka masyarakat yang menjadi pengawal dan kadang kala mereka bertindak ganas terhadap akhbar.

Seorang lagi menyebutkan bahawa dengan adanya kebebasan liputan akhbar pada Era Reformasi, masyarakat dapat menyebarkan berita melalui akhbar tentang penyelewengan seperti pegawai pemerintah terbabit dengan rasuah, konsep ekonomi yang salah arah, dan sebagainya. Seorang lagi menjelaskan juga bahawa dengan adanya kebebasan akhbar, rakyat akan dapat menilai kemampuan pihak pemerintah melalui program pertumbuhan ekonomi, sama ada ianya berkesan atau tidak. Lebih-lebih lagi pembangunan politik yang sangat memerlukan kebebasan akhbar, bahkan ianya dianggap sebagai faktor pertama ke arah kewujudan sistem demokrasi yang bersifat liberal.

Adapun seorang wartawan lainnya menghuraikan bahawa pada masa pemerintahan Habibie, peningkatan pengeluaran akhbar meningkat tajam. Hal ini disebabkan oleh mudahnya mendapat surat izin penerbitan akhbar. Peningkatan pengeluaran surat izin meningkat dengan pesat, iaitu dari sekitar empat ratus surat izin pada masa Orde Baru meningkat kepada melebihi satu ribu surat izin pada Era Reformasi.

Seorang lagi menyebutkan bahawa faktor lain yang menunjukkan bahawa kebebasan akhbar mula ada, iaitu para wartawan bebas memilih organisasinya dan tidak semestinya berada di bawah satu naungan organisasi sahaja seperti pada masa Orde Baru. Pada masa itu hanya Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) sahaja yang boleh didirikan, sementara pada Era Reformasi organisasi kewartawanan sudah lebih dari satu. Semua ini sebagai petanda bahawa campur tangan penguasa terhadap hal ehwal akhbar tidak lagi ketat sebagaimana pada zaman Orde Baru.

#### d. Ahli Pertubuhan Islam

Semua ahli pertubuhan Islam menyebutkan bahawa campur tangan penguasa terhadap liputan berita akhbar pada zaman Orde Baru memang sangat ketara kelihatan dan sangat ketat, sehingga timbul anggapan bahawa akhbar pada masa tersebut adalah akhbar penguasa. Sementara 2 orang lagi menambahkan bahawa pada Era Reformasi, campur tangan pemerintah terhadap liputan berita akhbar memang masih ada, tetapi sangat berkurangan. Adapaun 2 orang lainnya menyebutkan bahawa boleh dikatakan campur tangan itu hampir tidak ada lagi. Namun begitu, seorang lagi menyebutkan, kerana masih ada juga tekanan terhadap wartawan daripada pihak tentera, meskipun hal ini telah jarang berlaku, sehingga ada juga yang menganggap bahawa tidak terlalu banyak perubahan dalam masalah kebebasan akhbar sewaktu Era Reformasi walaupun banyak bilangan akhbar yang wujud.

#### e. Mahasiswa

Sementara golongan mahasiswa juga berpendapat bahawa tidak dapat dinafikan lagi, kebebasan pada zaman Orde Baru sangat ketat dikawal termasuk kebebasan akhbar. Seorang di antaranya menyebutkan bahawa hal ini dapat dilihat dengan adanya campur tangan pemerintah terhadap berbagai liputan berita akhbar. Seorang lagi menyebutkan, pada masa itu pula, hak-hak asasi manusia turut dicabuli dan tidak jarang terjadi ancaman dan tekanan terhadap mereka yang menyebarkan berita yang tidak selari dengan keinginan pemerintah.

Seorang lagi mahasiswa menyebutkan bahawa zaman Orde Baru di Indonesia disamakan dengan tentera, kerana mereka mempunyai peranan berganda; di samping sebagai alat pertahanan negara, mereka juga terlibat secara langsung dalam hal ehwal politik negara. Kerana itu, kebebasan memberikan pandangan, termasuk kebebasan akhbar, terlalu banyak mendapat tekanan. Sementara 2 orang lagi memberi alasan yang sama, dengan menyebutkan bahawa keadaan yang demikian disebabkan oleh banyaknya individu elit penguasa berasal dari kalangan tentera. Keduanya menghuraikan lebih lanjut bahawa pada Era Reformasi keadaan sudah sebaliknya, majoriti penguasa yang duduk dalam jawatan penting pemerintahan berasal dari kalangan orang awam.

Kesemua ahli politik, ahli akademik, wartawan, mahasiswa dan ahli pertubuhan Islam bersetuju mengenai liputan berita akhbar yang lebih bebas pada Era Reformasi akan memberi kesan yang baik terhadap kehidupan rakyat Indonesia. Seorang ahli politik menghuraikan lebih lanjut bahawa paling kurang dengan kebebasan tersebut, para penguasa dan pemimpin elit pemerintah akan

bekerja dengan baik kepada rakyat, sebab takut akan menjadi sorotan akhbar sehingga menyebabkan imej mereka menjadi buruk. Seorang ahli akademik menyatakan bahawa kebebasan ini akan menjadi sebagai petanda baik untuk pembangunan ekonomi, politik serta kehidupan sosial rakyat Indonesia sekiranya iaanya mengikuti norma-norma agama dan dapat dipertahankan serta disokong oleh rakyat secara berterusan.

Seorang wartawan menyebutkan, walaupun pada awalnya ada kebebasan akhbar pada masa tersebut, timbul anggapan bahawa seolah-olah kebebasan akhbar tidak ada aturan lagi dan tidak sesuai dengan kehidupan sosial masyarakat Indonesia, namun akhirnya hal ini menjadi selari dengan keinginan masyarakat, bahkan dengan pemerintah dan mekanismenya adalah pasaran bebas (free-market).

Seorang mahasiswa menyebutkan bahawa secara ringkas, dapat dikatakan iklim kebebasan akhbar pada Era Reformasi masih dalam batas nilai-nilai yang berlaku dalam masyarakat dan hal ini sangat membantu mewujudkan perkembangan ekonomi dan sistem politik yang lebih demokratik, kerana akhbar dapat mengawal dasar-dasar pemerintah dalam berbagai aspek dengan mendedahkan perkara-perkara yang sedang berlaku, yang akan berlaku mahupun peristiwa-peristiwa yang telah berlalu.

## **4.2 Analisis Kandungan**

Pada bahagian ini, akan diketengahkan analisis kandungan liputan berita akhbar, baik pada zaman Orde Baru maupun pada Era Reformasi yang dapat dihubungkan dengan keadaan kebebasan liputan berita akhbar di Indonesia. Majalah mingguan *Gatra* dan akhbar harian *Kompas* adalah majalah berita dan akhbar harian yang dipilih untuk menganalisis kandungan tajuk-tajuk berita tertentu, kerana majalah dan akhbar nasional ini telah lama terbit dan mempunyai ramai pembaca di seluruh Indonesia.<sup>2</sup> Kerana itu, kandungan berita kedua-duanya dianggap boleh dipercayai disebabkan populariti di kalangan pembaca. Keluaran-keluaran yang dipilih ialah majalah *Gatra*; *Edisi 26 November 1994, Edisi 3 Disember 1994, Edisi 8 Ogos 1998, Edisi 3 Julai 1999*, dan akhbar *Kompas*; *Edisi 23 Disember 1996, Edisi 7 Februari 1997, Edisi 20 Mei 1999*.

Pendekatan yang diambil dalam analisis ini adalah melalui analisis teks kaedah etnografi, iaitu memfokuskan kepada teks untuk mengetahui realiti dengan mengambil kira 10 soalan<sup>3</sup> terhadap sesuatu teks yang akan dianalisis. Analisis teks tentunya mempunyai kelemahan dan kelebihan. Kelemahan analisis teks ialah kebenarannya tidak mutlak kerana ianya merupakan penafsiran daripada teks sahaja. Adapun kelebihan daripada analisis teks ialah dapat diketahui dengan jelas latar belakang sesuatu perkara melalui isi yang ada dalam teks. Adapun kesepuluh soalan tersebut adalah:

1. Bagaimana teks-teks tersebut ditulis?
2. Bagaimana ianya dibaca?

<sup>2</sup> David T. Hill, *The Press in New Order Indonesia*, Pustaka Sinar Harapan, Jakarta, 1995, hal. 167.

<sup>3</sup> David Silverman, *Interpreting Qualitative Data: Methods for Analysing Talk, Text and Interaction*, Sage Publications, London, 1993, hal. 128-129.

3. Siapa yang menulisnya?.
4. Siapa yang membacanya?.
5. Apa maksud penulisannya?.
6. Dalam kesempatan apa ianya ditulis?.
7. Apa kesan daripada penulisan teks itu?.
8. Apa yang dirakamkan dalam teks itu?.
9. Apa yang diabaikan dalam teks itu?.
10. Apa hasil yang diharapkan dari teks tersebut?.
11. Apa hasil yang diharapkan oleh penulis kepada pembaca?.
12. Apa yang ingin diketahui oleh pembaca dalam usaha memahami teks itu?.

#### 1. Pada Masa Orde Baru

Adapun tema yang diambil untuk dianalisis pada zaman Orde Baru ialah mengenai isu kebebasan, termasuk kebebasan berucap dan memberikan pandangan serta masalah undang-undang akhbar di Indonesia. Majalah *Gatra* membicarakan tentang pertemuan Suharto dengan Bill Clinton yang membincangkan isu kebebasan di Indonesia. Adapun teks berita tersebut adalah seperti berikut:

##### **“Setelah Bertemu Pak Harto”**

‘Sehari setelah pertemuan APEC, Bill Clinton menanyakan masalah Timor Timur, pencabutan SIUPP, dan HAM kepada Presiden Suharto’

“Kehadiran Presiden Amerika Serikat Bill Clinton ke Indonesia bukan cuma penting bagi para delegasi APEC. Sejumlah orang Indonesia tampaknya punya harapan tersendiri pada kedatangan presiden dari negara yang dijuluki polisi dunia itu. Mereka adalah orang-orang yang selama ini mengaku sebagai pejuang demokrasi dan hak azasi manusia (HAM). Di negerinya, presiden yang usianya belum lagi 50 tahun itu memang banyak mengecam pelaksanaan HAM di sejumlah negara berkembang. Siapa tahu di sini pun

Clinton bersuara vokal, dan mampu menekan pemerintah Indonesia.”

“Mengenai HAM dan kebebasan, menurut Presiden Suharto, Undang-Undang dasar 1945 menjamin warganegara untuk berserikat, berkumpul dan mengeluarkan pendapat. Akan tetapi, apa yang dijamin oleh UUD itu pelaksanaannya diatur undang-undang.”

“Soal pencabutan SIUPP itu, Presiden Suharto menjelaskan: bukan hak warganegara untuk mengeluarkan pendapat yang dilarang, melainkan kerana pemerintah ingin menegakkan undang-undang, dalam hal ini undang-undang pokok akhbar.” (Majalah Mingguan *Gatra*, Edisi 26 November 1994, Halaman 17<sup>4</sup>)

Berita di atas ditulis dalam bentuk laporan nasional oleh wartawan pada saat kunjungan rasmi Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton ke Indonesia dan ianya dapat dikategorikan sebagai berita penting. Berita ini tentu menarik kepada pembaca yang berminat tentang keadaan politik dalaman Indonesia, terutama berkenaan demokrasi dan kebebasan. Tujuan penulisan berita di atas ialah untuk mendedahkan kepada pembaca tentang isu kebebasan akhbar yang diamalkan di Indonesia pada zaman Suharto berkuasa. Kesan daripada penulisan berita di atas agak negatif kerana ianya mendedahkan masalah pencabulan hak-hak asasi manusia sentiasa berlaku di Indonesia dan pelaksanaan demokrasi belum dapat dijalankan sebagaimana yang diinginkan oleh rakyat.

Di samping itu, kata-kata masalah penggantungan SIUPP (Surat Izin Penerbitan Akhbar) juga didedahkan, kerana pemerintah telah melakukan penekanan dan kawalan terhadap kebebasan liputan berita akhbar dengan cara melakukan penggantungan terhadap beberapa akhbar, seperti *Tempo*, *Detik* dan *Editor*. Hal ini sememangnya ingin diketahui oleh pembaca sehingga telah

<sup>4</sup> Lihat Lampiran VII.

menimbulkan banyak bantahan daripada rakyat. Berita tersebut mengabaikan keadaan masyarakat Indonesia yang beragam sebagai negara yang sedang membangun. Penulisan teks tersebut diharapkan dapat mengubah dasar pemerintah supaya tidak sentiasa melakukan penggantungan surat izin terhadap akhbar-akhbar yang mengkritik penguasa. Penulis berita mengharapkan supaya pembaca sentiasa melakukan pengawasan, dan apabila diperlukan, membuat sebarang bantahan kepada pemerintah atas sebab penggantungan akhbar-akhbar.

Dalam majalah *Gatra* edisi lainnya dimuat lagi berita tentang dialog radio yang menyinggung masalah penggantungan akhbar di Indonesia. Adapun teks berita tersebut adalah seperti berikut:

**“Mendinginkan Talk Show Radio”**

‘Radio Trijaya kembali menggelar acara talk show. Tapi ada upaya agar acara itu lebih “dingin.” Pemerintah tak melarang asalkan.....’  
‘Pendengar setia Trijaya FM kini mendapat pengganti. Setelah Jakarta Round Up (JRU), yang ‘dibreidel’ Oktober lalu, sekarang muncul acara yang mirip: Jakarta First Channel (JFC). Dalam beberapa kali siarannya, JFC memilih topik masalah ekonomi dan bisnis.’

‘Sekadar mengingatkan, JRU digelar empat kali seminggu, Senin hingga Kamis pukul 07.00 sampai 09.00 pagi. Mulai mengudara tahun 1990 – hampir bersamaan dengan berdirinya Radio Trijaya. Acara talk show ini nyatanya mengulas isu hangat di media massa cetak. Bentuknya berupa dialog via telepon atau wawancara di studio. Materi yang diulas menyangkut berbagai hal – bisa ekonomi, budaya, agama, dan politik – dan disampaikan dengan cara yang sangat berani.’

‘Oktober lalu, JRU mewawancarai Goenawan Mohamad, bekas Pemimpin Redaksi Majalah Berita Mingguan Tempo yang dilarang terbit itu. Tanpa segan-segan Goenawan mengecam pencabutan Surat Izin Usaha Penerbitan Pers (SIUPP) tiga media cetak: tabloid Detik, majalah Editor, dan Tempo. Pemandu JRU – tanpa sikap kritis – membiarkan Goenawan bicara seenaknya. Tentu saja ia menohok ke mana-mana, terutama pemerintah.’ (Majalah Mingguan *Gatra*, Edisi 3 Disember 1994, Halaman 91<sup>5</sup>).

<sup>5</sup> Lihat Lampiran VII.

Teks di atas merupakan laporan yang ditulis oleh wartawan *Gatra* mengenai program “Talk Show Radio”, iaitu sebuah program dialog/tanya jawab melalui talian telefon mengenai beberapa masalah seperti politik, ekonomi, budaya dan sebagainya antara pendengar dan tokoh yang sememangnya dialu-alukan ke studio radio berkenaan. Tajuk berita di atas dapat memberi kesan bahawa ada usaha agar “Talk Show” di radio tidak mengetengahkan topik-topik yang dapat menyindir pemerintah. Kata-kata “*agar acara itu lebih dingin*” dapat memberi pengertian bahawa hal-hal yang dapat menyindir perasaan penguasa atau mengkritik pemerintah harus dielakkan. Kata-kata itu juga memberi kesan bahawa sebelumnya, ada acara “Talk Show” yang menjadi panas sehingga mendapat tekanan dari pemerintah.

Teks di atas telah merakamkan dengan jelas mengenai sikap pemerintah yang tidak segan-silu mengambil tindakan terhadap individu atau institusi mahupun syarikat media yang membuat sebarang kritikan terhadap dasar pemerintah. Sebagaimana disebutkan di atas bahawa sebelumnya *Radio Trijaya* pernah mengadakan program “Talk Show” yang dikenal dengan JRU, dengan menghadirkan tokoh-tokoh vokal. Acara ini mendapat sambutan meriah daripada pendengar, termasuk bekas Pemimpin Redaksi majalah *Tempo*, Goenawan Mohamad yang pernah dijemput ke program tersebut. Pada masa itu, beliau dengan lantang mengkritik pemerintah terutama tentang hal ehwal *Tempo* yang baru saja digantung penerbitannya. Kata-kata “*Goenawan bicara seenaknya*” memberi makna beliau bercakap apa sahaja dan tidak menghiraukan risiko yang akan dihadapi, kerana beliau berasa ditekan oleh pemerintah atas penggantungan majalah *Tempo* yang dianggap sentiasa mengkritik penguasa.

Hal yang diabaikan dalam teks di atas adalah latarbelakang majalah *Tempo* edisi 11 Jun 1994, yang telah digantung penerbitannya kerana telah membicarakan tajuk berita utama tentang isu dana pembelian Kapal Perang Bekas Jerman Timur oleh pemerintah Indonesia. Pada masa itu, B. J. Habibie sebagai Menteri Teknologi, adalah orang yang berperanan penting dalam pembelian kapal tersebut. Beliau mengajukan cadangan peruntukan kepada pemerintah berjumlah USD 482 juta, tetapi hanya dipersetujui sebanyak USD 320 juta oleh Mar'ie Muhammad selaku Menteri Kewangan pada masa itu. Inilah isu yang dibangkitkan oleh akhbar yang menganggap bahawa dana pembelian kapal tersebut dianggap dibesar-besar, selain timbul anggapan bahawa pembelian kapal bekas tersebut adalah membazir. Inilah sebabnya sehingga pemerintah melalui kementerian Penerangan menggantung izin penerbitan majalah *Tempo*.

Kata-kata "*Tentu saja ia menohok ke mana-mana, terutama pemerintah*" dapat bermakna bahawa Goenawan Mohamad begitu berani mengkritik dasar pemerintah yang dijalankan selama ini dan dasar tersebut sentiasa memihak kepada penguasa dan tidak membela kepentingan rakyat. Dari sini juga dapat diambil kesimpulan bahawa pemerintah tidak melarang sebarang program "Talk Show" di radio asal sahaja program tersebut mengikut garis panduan dan tidak sekali-kali mengetengahkan topik-topik yang boleh memburukkan dan menggugat penguasa Orde Baru.

Dari penulisan teks di atas diharapkan supaya pemerintah tidak terlalu memberatkan kepentingan penguasa sahaja dengan cara menggantung izin penerbitan akhbar yang mengkritik mereka. Tindakan seperti ini telah merugikan

kepentingan masyarakat yang menginginkan adanya maklumat yang bersifat kritikal. Penulis mengharapkan kepada pembaca agar tidak takut memberi reaksi terhadap sebarang tindakan pemerintah yang dapat menyekat kebebasan bersuara. Dalam usaha untuk memahami teks di atas, pembaca ingin mengetahui latarbelakang tokoh yang diwawancara itu serta latar belakang teks tersebut yang kemudiannya membandingkannya dengan realiti yang ada.

Adapun akhbar *Kompas* mengangkat tajuk dalam halaman utamanya mengenai keadaan dan tatacara berkempen dalam pilihan raya tahun 1997.:

**"Mobil Kampanye Pemilu Harus Didaftarkan Dulu"**

'Tidak Boleh Membawa Gambar Seseorang'

'Pada kampanye 1997 nanti juru kampanye dan alat yang dipakai untuk kampanye harus didaftarkan kepada penguasa setempat yang berwenang, yaitu polisi. Dan, semua mobil yang digunakan berkaitan dengan kampanye juga harus didaftarkan lebih dahulu.'

Para peserta kampanye juga tidak diperbolehkan membawa gambar seseorang, termasuk gambar RI satu (Presiden – Red) dan Ketua Umum OPP, tegas Kasubdit Pengamanan Masyarakat dan Pembangunan Kol (Pol) Djamaruddin Harahap, yang memberikan keterangan pers tentang petunjuk lapangan (juklap) Nomor JUKLAP/01/I/1997 yang dikeluarkan Mabes Polri, hari Kamis (6/2). (Akhbar *Kompas*, 7 Februari 1997<sup>6</sup>).

Teks di atas ditulis oleh wartawan akhbar harian *Kompas*. Teks ini dianggap penting kerana dimuatkan sebagai berita utama di halaman hadapan akhbar tersebut. Ianya akan dibaca oleh pembaca akhbar *Kompas* yang berada di seluruh wilayah Indonesia, kerana akhbar *Kompas* merupakan akhbar nasional. Berita tersebut bersumber daripada pihak berkuasa polis Indonesia, bertujuan untuk mengingatkan masyarakat supaya dalam kempen pihanraya 1997 tidak ada sebarang keinginan untuk membawa kenderaan dengan jumlah yang banyak serta

<sup>6</sup> Lihat Lampiran IX.

tidak membawa gambar tokoh-tokoh tertentu termasuk gambar Presiden pertama Indonesia, Sukarno. Hal ini dilakukan untuk mencegah terjadinya sebarang rusuhan dalam kempen. Hal ini juga merupakan harapan dalam penulisan berita ini. Kata-kata '***Mobil Kampanye Pemilu Harus Didaftrar Dulu***' yang merupakan tajuk dapat memberi kesan bahawa pemerintah sangat ketat melakukan kawalan terhadap aktiviti kempen dalam pilihan raya sehingga kenderaan pun harus didaftarkan. Ini merupakan gejala yang tidak sihat, kerana menghambat kebebasan dan keselesaan khalayak ramai.

Kesan lainnya dari berita di atas yang disebabkan oleh ketatnya kawalan dibuat oleh pemerintah terhadap aktiviti-aktiviti dalam kempen adalah adanya kemungkinan timbul kekhawatiran parti yang selama ini belum pernah kalah, iaitu parti Golkar. Parti tersebut sentiasa berusaha untuk menang dengan apa jua cara, walaupun bercanggah dengan undang-undang sebagaimana dalam pilihan raya sebelumnya. Golkar, yang dikenal sebagai parti pemerintah, akan mengalami kekalahan sekiranya aturan kempen tidak diperketat, dan dengan demikian pucuk pimpinan pun akan mengalami perubahan.

Hal yang diabaikan dalam penulisan ini ialah tidak dijelaskannya secara terperinci kata-kata '*Tidak Boleh Membawa Gambar Seseorang*'. Hal ini kemungkinan besar ditujukan kepada penyokong Parti Demokrasi Indonesia (PDI) pimpinan anak perempuan Allahyarham Presiden Sukarno, Megawati Sukarnoputri, yang dianggap sentiasa mengkritik penguasa terutama orang-orang Golkar. Pada setiap kali kempen, penyokong-penyokong PDI sentiasa membawa gambar Sukarno dalam usaha menarik lebih ramai penyokong, kerana keluarga

Sukarno dianggap simbol perjuangan parti itu. Hal inilah yang dikhuatiri oleh pemerintah kalau nanti kebanyakan rakyat menganggap bahwa PDII itu adalah parti yang ditubuhkan oleh Sukarno dan mereka tidak akan memilih Golkar lagi.

Dengan adanya tulisan di atas, diharapkan kepada pembaca supaya mengetahui secara terperinci peranan pemerintah dalam mengawasi kemenpilihan raya di Indonesia yang begitu ketat dikawal. Dengan adanya berita tersebut, tentu saja pembaca ingin memahaminya dengan cara melihat apa sebenarnya yang berlaku sehingga pemerintah begitu ketat sekali membuat aturan untuk menghadapi kemenpilihan.

Dalam akhbar *Kompas* edisi 23 Disember 1996 dimuat sebuah berita mengenai undang-undang berkenaan kebebasan akhbar di Indonesia. Adapun teks tersebut adalah seperti berikut:

#### "CATATAN HUKUM"

'Masalah kemungkinan perubahan Undang-Undang Ketentuan-Ketentuan Pokok Pers menghangat kembali akhir-akhir ini. Menurut Menteri Penerangan Harmoko, UU tersebut telah berlaku selama 14 tahun, kerana itu harus disesuaikan, khususnya yang mencakup pengembangan teknologi profesionalisme dan operasionalisasinya'.

Dalam Undang-Undang No. 11/1996 yang lahir 21 tahun setelah berlakunya pasal 28 UUD 1945, hak-hak pers untuk melakukan fungsi control benar-benar dijamin. Karenanya, dapat dikatakan bahawa UU No. 11/1996 itu telah sesuai dengan jiwa pasal 28 UUD 1945. Misalnya, ketentuan pasal 3 UU tersebut menegaskan bahawa pers mempunyai hak kontrol, kritik dan koreksi yang bersifat korektif dan konstruktif. Namun, dalam UU No. 21/1982 kata "korektif" tadi dihilangkan".

Berdasarkan pasal 13 ayat (5) itulah Menpen kemudian mengeluarkan Peraturan Menteri Penerangan (Permenep) No. 01/Per/Menpen/1984 tentang SIUPP. Dengan adanya ketentuan ini, pers baik perusahaan maupun isi beritanya, diperlakukan sebagai suatu perusahaan. Konsekuensinya, jika isi berita pers tersebut dianggap tidak sesuai dengan nilai-nilai "pers yang bebas dan

bertanggungjawab" maka perusahaan persnya dapat dibubarkan karena SIUPP-nya dibatalkan menpen. (Akhbar *Kompas*, 23 Disember 1996<sup>7</sup>)

Teks tersebut di atas ditulis oleh seorang pakar hukum dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Indonesia, dalam bentuk artikel. Ianya dimuat dalam akhbar *Kompas* dan tentunya dibaca oleh pembaca akhbar tersebut di seluruh Indonesia. Maksud penulisan teks itu ialah untuk mendedahkan kepada pembaca mengenai adanya sedikit perubahan undang-undang persuratkhabaran Indonesia, kerana ianya ditulis ketika Harmoko sebagai Menteri Penerangan Indonesia pada waktu itu yang membuat kenyataan tersebut. Dalam teks di atas dirakamkan tentang kedudukan Dewan Akhbar setingkat dengan kedudukan Menteri Penerangan, tetapi Dewan Akhbar tetap berada di bawah kekuasaan Menteri Penerangan. Selanjutnya, akhbar juga diperbolehkan melakukan kritikan yang konstruktif terhadap pemerintah.

Di samping itu, pengelola akhbar dianggap sebagai sebuah syarikat dan ianya memerlukan surat izin pemerintah. Istilah "akhbar yang bebas dan bertanggungjawab" juga dirakamkan dalam teks di atas dan pemerintah berhak mengantungkan izin penerbitan sebarang akhbar yang dianggap tidak selari dengan istilah di atas. Berita di atas dapat memberi kesan bahawa pemerintah masih tetap mempertahankan adanya surat izin penerbitan akhbar yang dapat digantung pada bila-bila masa terhadap sesebuah akhbar. Pemerintah juga tidak menjelaskan bagaimana sebenarnya ukuran istilah "bebas dan bertanggungjawab" itu secara terperinci. Apakah sesebuah akhbar yang menyebar maklumat sesuai

---

<sup>7</sup> Lihat Lampiran X.

dengan realiti dianggap tidak bertanggungjawab?. Hal ini masih tidak jelas dan menimbulkan tanda tanya di kalangan pembaca.

Penulis berita di atas mengharapkan adanya perubahan dalam undang-undang akhbar di Indonesia. Pemerintah diharapkan tidak begitu mudah menggantung sebarang penerbitan akhbar, kerana ianya dapat merugikan berbagai pihak seperti wartawan, pekerja syarikat akhbar yang hilang pekerjaan dan pembaca sendiri, kerana mereka tidak mengetahui lagi maklumat yang sebenarnya. Tulisan di atas diharapkan dapat membuka mata pembaca mengenai terbelenggunya masalah perlindungan terhadap kebebasan akhbar di Indonesia. Dalam usaha memahami berita di atas, sudah barang tentu para pembaca harus sentiasa mengikuti perkembangan semasa mengenai keadaan akhbar di Indonesia.

## 2. Pada Era Reformasi

Adapun tema yang akan dianalisis pada Era Reformasi juga menyangkut masalah kebebasan di Indonesia, terutama kebebasan akhbar dan kebebasan memberikan pandangan. Majalah *Gatra* mengangkat topik berita mengenai kritikan terhadap anggota tentera yang duduk di parlimen Indonesia. Adapun teks berita tersebut adalah seperti berikut:

### **“Bila ABRI Kembali ke Khitah”**

‘Peranan sosial politik ABRI di lembaga legislatif digugat kembali. Reaksi pro-kontra pun marak’.

‘Pro-kontra keberadaan ABRI di DPR, hari-hari belakangan ini makin mencuat. Awalnya, tatkala Kepala Sosial Politik (Kassospol) ABRI Letnan Jenderal TNI Susilo Bambang Yudhoyono berharap agar anggota ABRI tetap duduk di lembaga legislatif, tak hanya di MPR, melainkan juga di DPR. Jumlahnya, bias 100 orang, 75 orang. Bahkan kelak mungkin 50 atau 55 orang, kata Bambang Yudhoyono

dalam seminar bertajuk "Penegakan HAM dalam Agenda Nasional Reformasi sebagai Langkah Memperkuat Demokrasi di Indonesia".

Pernyataan itu lalu mengundang reaksi. Prof. Dr. Ismail Suny, pakar hukum tata negara UI, tak setuju ABRI duduk di DPR. Masalahnya, pengangkatan akan membawa konsekuensi serius. Untung saja Pak Harto ada kesadaran untuk mundur. Kalau tidak, sampai 20 tahun lagi pun ia masih berkuasa, ujar Suny, yang pernah dipenjarakan Suharto karena menggugat pengangkatan anggota ABRI di DPR itu. (*Majalah Gatra*, Edisi 8 Ogos 1998, Halaman 40<sup>8</sup>).

Berita di atas ditulis oleh wartawan *Gatra* dan merupakan berita penting sebab ianya dalam kategori berita nasional dan tentunya akan dibaca oleh pembaca *Gatra* yang berada di berbagai daerah di Indonesia. Berita itu ditulis pada saat timbul percanggahan pendapat mengenai peranan tentera dalam sosial politik di Indonesia, iaitu kira-kira 3 bulan selepas Suharto mundur dari jawatan presiden. Maksud penulisan berita tersebut adalah untuk mendedahkan kepada pembaca tentang besarnya peranan tentera pada masa Orde Baru dalam politik di Indonesia. Hal ini dapat dilihat dalam kalimat "*Bila ABRI Kembali ke Khitah*" memberi makna alangkah lebih baik apabila Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI), untuk tidak lagi melibatkan diri dalam politik, iaitu kehadiran mereka di parlimen dimansuhkan, kerana selama rejim Orde Baru, kehadiran mereka di Parlimen dianggap kurang bermanfaat, bahkan banyak mendatangkan masalah. Berita di atas memberi kesan negatif kepada tentera, kerana ianya merakamkan peranan mereka yang begitu besar pada masa Suharto berkuasa. Berita seumpama ini tidak pernah didapati pada masa Orde Baru. Kalimat di atas secara tidak langsung juga tertuju kepada Suharto, kerana beliau juga merupakan seorang tentera yang pernah memimpin negara Indonesia.

---

<sup>8</sup> Lihat Lampiran XI.

Yang diabaikan dalam berita di atas adalah latarbelakang keterlibatan tentera dalam sosial politik di Indonesia yang tidak terlepas dari sokongan dan pendapat pakar Barat di tengah bergolaknya Perang Dingin antara 1960-an hingga 1980-an yang menganggap bahawa militer di Dunia Ketiga merupakan alat pembaharu dan pendorong pembangunan ekonomi dan demokrasi. Setelah Perang Dingin berakhir, pendapat itu sudah mula bercanggah. Hal ini dapat dilihat di negara-negara yang pucuk pimpinannya dari kalangan tentera telah gagal membawa kemajuan, baik di bidang ekonomi maupun di bidang politik, salah satu contohnya adalah Indonesia. Sebarang kemajuan ekonomi di negara ini hanya dinikmati oleh sekelompok kecil mereka yang ada hubungan dengan penguasa, sementara kebebasan bersuara sangat dikongkong. Mungkin kerana alasan inilah timbul kritikan pedas terhadap kepimpinan dari golongan militer di Indonesia.

Penulisan berita di atas diharapkan dapat menjadi bahan telaah tentang keberadaan tentera di parlimen dianggap kurang bermanfaat bahkan banyak mendatangkan masalah. Militer di Indonesia semakin jauh memainkan peranan pada zaman Orde Baru, sehingga lahir istilah yang dinamakan *Dwifungsi ABRI*, iaitu membenarkan militer terlibat dalam urusan sosial politik di samping fungsinya sebagai alat pertahanan negara. Kalimat di atas secara tidak langsung juga ditujukan kepada Suharto, kerana beliau juga merupakan seorang tentera yang pernah memimpin negara Indonesia.

Selanjutnya, selama rejim Orde Baru di bawah kepimpinan Suharto, tentera ditunjuk begitu sahaja untuk duduk di parlimen tanpa melalui proses dalam pilihan raya. Dengan lain perkataan, keberadaan tentera dalam parlimen

Indonesia dipilih oleh penguasa bukan dipilih oleh rakyat. Kalau wakil rakyat dipilih oleh penguasa, bukan oleh rakyat, maka sudah tentu segala keputusan yang diambil melalui parlimen harus memihak kepada penguasa, bukan kepada rakyat. Inilah hasil yang diharapkan oleh penulis kepada pembaca dan juga pembaca ingin mengetahuinya dalam usaha memahami berita tersebut di atas.

Dalam edisi lainnya majalah *Gatra* memuat sebuah artikel yang mendedahkan keterlibatan penguasa Indonesia dalam rasuah. Adapun teks berita tersebut adalah seperti berikut:

**“Rahardi, Korupsi Dan Kebebasan Pers”**

‘Menteri Perindustrian dan Perdagangan Rahardi Ramelan sedang sial. Sebelumnya, Jaksa Agung Andi Ghalib juga sial, lantaran ICW (Indonesian Corruption Watch) mengungkapkan rekening banknya yang bermilyar rupiah. Rahardi sial karena majalah *Tempo* (20-27 Juni 1999) mengangkat dirinya sebagai tokoh sampul dan bahan laporan **Rahardi Tersandung Isu Dolar**, berhubung istrinya dikabarkan ketangkap basah membawa uang tunai sekitar \$350.000 di sebuah bandara Amerika Serikat. (Majalah *Gatra*, Edisi 3 Julai 1999, Halaman 62<sup>9</sup>).

Berita di atas ditulis oleh seorang penulis dan juga sasterawan yang cukup dikenal di Indonesia, iaitu Rosihan Anwar dalam tajuk rencana majalah *Gatra* dan tentunya dibaca oleh pembaca *Gatra* di merata tempat di Indonesia. Berita tersebut merakamkan tentang penemuan wang tunai sebanyak U\$350,000.00 pada isteri Menteri Perindustrian dan Perdagangan pada masa pemerintahan Habibie, Rahardi Ramelan, yang secara kebetulan bertemu dengan seorang wartawan majalah *Tempo* di sebuah lapangan terbang di Amerika Syarikat. Pada saat itu isteri Rahardi ‘tertangkap basah’ oleh petugas lapangan terbang itu kerana membawa wang tunai seperti disebutkan di atas. Hal ini telah mendorong majalah

<sup>9</sup> Lihat Lampiran XII.

*Tempo*, Edisi 21-27 Jun 1999, menulis tajuk kulit muka “Rahardi Tersandung Isu Dolar.” Ini bermakna, Rahardi secara tidak langsung telah diisukan membawa lari wang negara begitu banyak. Berita di atas bukan sahaja dibahas mengenai Rahardi, tetapi termasuk juga penemuan wang yang begitu banyak dalam akaun bank atas nama Peguam Negara Andi Ghalib oleh sebuah NGO, Indonesian Corruption Watch (ICW).

Berita di atas dimaksudkan untuk mendedahkan bagaimana berleluasanya penguasa di Indonesia melakukan rasuah dan ianya dapat memberi kesan bahawa akhbar pada Era Reformasi sudah secara berleluasa menyebarkan maklumat yang sebenarnya walaupun ianya dapat menjelaskan imej penguasa. Dengan lain perkataan, akhbar sangat berani mengkritik penguasa pada Era Reformasi. Berita tersebut di atas tetap juga dimuat dengan mengabaikan sanggahan daripada Rahardi Ramelan dan Andi Ghalib sendiri. Penulisan berita ini diharapkan dapat menjadi bukti bahawa akhbar pada Era Reformasi sudah begitu bebas, termasuk mendedahkan hal-hal yang tidak pernah dibangkitkan pada zaman Orde Baru. Tulisan tersebut diharapkan dapat membuka mata pembaca untuk mengetahui hal-hal yang selama masa Orde Baru jarang ditemui dalam akhbar-akhbar. Hal inilah yang diharapkan supaya kebebasan akhbar dapat dipertahankan dan jangan sampai hilang begitu sahaja.

Akhbar *Kompas* mengangkat tajuk berita utamanya mengenai keadaan kempen menjelang pilihan raya yang julung kali diadakan pada Era Reformasi. Adapun teks berita tersebut adalah seperti berikut:

“**Golkar Mulai Dicedera**”  
‘Empat Kenderaan Dirusak, Artis Pontang-panting’

'Memasuki hari pertama kampanye Pemilu 1999 di Ibu Kota Jakarta hari Kamis (19/5), Partai Golkar sudah dicederai massa. Empat kendaraan hias Golkar, yang hendak mengikuti karnaval kendaraan hias partai politik peserta pemilu, dirusak. Tiga truk hias dirusak massa Silang Selatan Monumen Nasional (Monas), satunya lagi di Jalan MH Thamrin. Akibat perusakan itu, Partai Golkar praktis urung mengikuti karnaval untuk berpawai di lima wilayah Jakarta.

'Perusakan empat mobil Golkar itu bermula bermula ketika sekelompok pedagang asongan dan massa penonton mencemooh kehadiran rombongan kendaraan hias partai Golkar sesaat mereka meninggalkan lapangan selatan Monas. Cemoohan terutama diarahkan ke kendaraan yang mengangkut artis, antara lain Renny Jayusman, Lilis Suryani, pelawak Ginanjar, Komar, dan penyanyi dangdut Ida Elisa dan Indah Novita.' (Akhbar *Kompas*, 20 Mei 1999<sup>10</sup>).

Berita di atas ditulis oleh wartawan *Kompas* dan merupakan berita utama dalam akhbar tersebut untuk dibaca oleh pembaca setianya di berbagai tempat di Indonesia. Berita tersebut merupakan laporan keadaan hari pertama kampen pilihan raya pertama Indonesia pada Era Reformasi. Penulisan berita itu dimaksudkan untuk memberitahu kepada masyarakat tentang keadaan sebenar yang berlaku pada hari pertama bermula kampen. Partai Golkar yang pada zaman Orde Baru tidak boleh dicemooh, pada Era Reformasi bukan sahaja diejek bahkan penyokongnya pun disakiti. Kata-kata "*Golkar Mulai Dicederai*" mengandungi makna bahawa orang ramai atau ada kumpulan orang yang mulai berani mengejek dan menyakiti penyokong parti Golkar dalam kampen. Berita ini merupakan suatu hal yang luar biasa dan sangat jarang berlaku pada masa Orde Baru, kerana wartawan tidak berani menulisnya sekiranya ada peristiwa dalam kampen yang dapat mengaibkan parti Golkar. Berita di atas juga sebagai petanda bahawa rakyat terlalu benci terhadap Golkar di bawah naungan Suharto selama 32 tahun beliau berkuasa, kerana gagal menciptakan kedamaian dan kesejahteraan kepada rakyat.

<sup>10</sup> Lihat lampiran XIII.

Berita di atas merakamkan peristiwa sekumpulan orang yang mula bertindak ganas dengan melakukan berbagai aktiviti yang tidak mengikut undang-undang lagi, sehingga ada empat kenderaan yang ikut dalam kempen Golkar dirosakkan dan beberapa artis pun perlu lari menyelamatkan diri. Dengan adanya berita itu, dapat memberi kesan bahawa akhbar telah mula berani bersuara. Sementara pada zaman Orde Baru, jangankan berita seumpama ini, kritikan terhadap Golkar pun hampir tidak pernah terdengar kerana pada saat itu, kebebasan bersuara sangat dikongkong. Berita tersebut di atas mengabaikan kesan yang akan timbul terhadap masyarakat, seolah-olah berita ini mendorong masyarakat bertindak ganas terhadap sesebuah parti. Di samping itu, berita ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada pembaca bahawa akhbar pada Era Reformasi tidak memihak kepada mana-mana golongan sekalipun.

Penyebaran berita dalam kempen pertama pilihan raya umum selepas jatuhnya Suharto sangat berbeza dibandingkan dengan kempen-kempen sebelumnya. Dalam kempen-kempen terdahulu akhbar tidak berani menyebar maklumat yang memburukkan parti Golkar, sebab ianya bakal berhadapan dengan penguasa yang semuanya diwajibkan memilih parti itu. Tetapi, hal ini sangat berbeza dalam kempen pilihan raya pada Era Reformasi. Hal inilah yang ingin diketahui oleh pembaca dalam usaha memahami berita di atas.

#### **4.3 Kesimpulan**

Kesemua yang telah ditemubual dari kalangan wartawan, mahasiswa, ahli pertubuhan Islam, ahli akademik dan ahli politik berpandangan bahawa kebebasan akhbar adalah kebebasan menyebar maklumat tanpa adanya tekanan daripada pemerintah mahupun kumpulan-kumpulan dalam mayarakat, seperti kawalan, penapisan dan penggantungan pelesenan. Kebebasan di sini tidak bererti bebas menyebar berita yang mempunyai unsur-unsur negatif, seperti fitnah dan luah. Mereka bersetuju bahawa akhbar pada masa Orde Baru sentiasa mendapat tekanan dan kawalan yang ketat daripada pemerintah, seperti penapisan dan penggantungan pelesenan yang sentiasa berlaku. Sementara pada Era Reformasi, walaupun tidak ada tekanan lagi daripada pemerintah dan hanya tekanan itu datang daripada golongan masyarakat, seperti pertubuhan bukan kerajaan, namun hal itu tidak seberat seperti pada masa Orde Baru. Hal ini dapat dilihat bahawa akhbar sudah bebas menyebarluaskan berita termasuk kritikan dan isu-isu seperti rasuah yang dilakukan oleh penguasa serta penyebaran masalah pencabulan hak-hak asasi manusia yang dilakukan oleh tentera. Di samping itu, penggantungan pelesenan dan penapisan tidak pernah berlaku lagi.

Berdasarkan analisis kandungan berita akhbar *Kompas* dan majalah mingguan *Gatra* pada zaman Orde Baru dan Era Reformasi sangat ketara terlihat perbezaannya. Sebarang berita dan kritikan terhadap pemerintah pada masa Orde Baru akan sangat berisiko terhadap akhbar itu sendiri, seperti amaran atau penggantungan pelesenan dari pemerintah. Namun, pada Era Reformasi, hal seperti itu tidak berlaku lagi.